



KENYATAAN MEDIA

2 JULAI 2021

Kadar Rebat Elektrik Kekal Pada 2 Sen Setiap Kilowatt Jam Kepada Semua Pengguna Di Semenanjung Malaysia Bagi Tempoh 1 Julai 2021 Hingga 31 Disember 2021

Putrajaya, 2 Julai – Kerajaan pada 23 Jun 2021 telah memutuskan untuk meneruskan pelarasan tarif elektrik di Semenanjung di bawah pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* dengan mengekalkan kadar rebat ICPT sebanyak 2 sen setiap kilowatt-jam (kWj) kepada semua pengguna elektrik bagi akaun Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk tempoh 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021.

Mekanisme ICPT merupakan sebahagian daripada kerangka kerja *Incentive-Based Regulation (IBR)* bagi menetapkan dan melaraskan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh kawal selia ke-2 (RP2: tahun 2018 hingga 2021). Di bawah mekanisme ini, kadar tarif elektrik asas bagi tempoh RP2 ditentukan dengan menetapkan harga penanda aras bahan api arang batu dan gas dalam tempoh tersebut. Sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga penanda aras bahan api dalam penetapan tarif asas akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme ICPT, sama ada dalam bentuk surcuj atau rebat, bergantung kepada kos bahan api dan kos penjanaan lain dalam tempoh tersebut.

Berdasarkan hasil semakan mekanisme ICPT yang dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021, kos penjanaan elektrik sebenar di Semenanjung bagi tempoh ini telah meningkat berbanding kos penjanaan yang diunjurkan sebanyak RM7.31 juta atau bersamaan dengan 0.01 sen/kWj. Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kos penjanaan ini ialah peningkatan harga purata bahan api arang batu kepada USD70.06/tan metrik, berbanding harga yang telah diunjurkan dalam tarif asas bagi tempoh RP2 iaitu USD67.45/tan metrik. Peningkatan harga bahan api arang batu adalah di luar kawalan Kerajaan kerana ia adalah berasaskan harga pasaran global.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Manakala, harga gas berpaip sebenar yang ditetapkan berdasarkan *Reference Market Price (RMP)* bagi sektor tenaga untuk tempoh semakan ICPT ini telah menurun kepada purata RM17.16/mmBTU berdasarkan harga minyak mentah yang tertangguh selama 6-8 bulan sebelum ini di bawah paras USD 50/bbl se tong, berbanding harga gas berpaip yang diunjurkan dalam tempoh RP2 iaitu sebanyak RM27.20/mmBTU.

Secara keseluruhannya dengan semakan harga bahan api, lain-lain kos penjaan dan pelarasan kos ICPT sebelumnya, kadar rebat ICPT yang sebenar adalah sebanyak 1.13 sen/kWj. Namun, seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, Kerajaan telah memutuskan untuk membiayai pemberian rebat tambahan sebanyak 0.87 sen/kWj yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM493 juta melalui Dana Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk mengekalkan kadar rebat ICPT sebanyak 2 sen/kWj.

Dengan pengekatan kadar rebat ICPT sebanyak 2 sen/kWj ini, pengguna-pengguna domestik, komersial dan industri tidak akan mengalami apa-apa perubahan pada bil elektrik berbanding dengan tempoh sebelum ini. Kerajaan berharap agar pengekatan kadar rebat tersebut dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat serta menurunkan kos menjalankan perniagaan yang terkesan berikutan penularan pandemik COVID-19.

Sebagai langkah untuk menjimatkan bil elektrik, para pengguna digalakkan untuk melaksanakan langkah-langkah menggunakan elektrik dengan cekap. Tip bagi menggunakan elektrik dengan cekap boleh didapati di laman sesawang ST yang boleh dicapai melalui www.st.gov.my serta aplikasi telefon bimbit myTNB.

- Tamat -

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.